

06 NOV 2003

Parlimen-Gulung (Rasuah)

BERI PELUANG PERDANA MENTERI BANTERAS RASUAH, KATA RAIS

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang baru seminggu mengambil alih jawatan Perdana Menteri, perlu diberi peluang untuk membuktikan keazaman beliau membasmi rasuah, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata pentadbiran Abdullah akan mengotakan apa yang telah beliau umumkan tentang keazaman untuk membasmi rasuah dalam apa juga bentuk dan amalan.

"Selaras dengan pengumuman beliau itu, kerajaan akan tetap patuh untuk mengurus tadbir negara agar terhindar dari sebarang amalan rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa," katanya semasa menggulung perbahasan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat hari ini.

Usul berhubung kajian itu dibentangkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada 30 Okt lepas, sehari sebelum beliau berundur sebagai Perdana Menteri keempat.

Semasa penggulungan oleh Rais hari ini, Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) mencelah dengan berkata bahawa komitmen untuk membasmi rasuah merupakan perkara lama yang dibangkitkan sejak 22 tahun dahulu.

Rais berharap semua pihak memberikan "harapan" kepada pemimpin baru untuk membasmi rasuah.

"PM baru kita baru enam hari menjadi PM, tidak boleh dibuat kesimpulan bahawa ini adalah cerita lama," katanya.

Malah, katanya, Abdullah sendiri telah mencetuskan idea penubuhan Institut Integriti Nasional yang akan menyelesaikan sebahagian besar permasalahan rasuah di negara ini.

Beliau berkata institut itu kelak akan membantu kerajaan melicinkan pentadbirannya.

Usul itu kemudian diluluskan.

-- BERNAMA

HM HM MAI